

**Azalina Mahu Realisasi Hasrat Remajakan Umno  
Bernama  
22 Aug, 2013**

KUALA LUMPUR, 22 Ogos (Bernama) -- Anggota Parlimen Pengerang Datuk Seri Azalina Othman Said, yang berhasrat meremajakan Pergerakan Wanita Umno, menawarkan diri bertanding bagi merebut jawatan Ketua Wanita pada pemilihan parti itu, yang dijadual Oktober ini.

Beliau berkata ini selaras dengan transformasi yang ingin dilihat Presiden Umno Datuk Seri Najib Tun Razak yang ingin melihat hasrat meremajakan Umno menjadi realiti.

"Saya tawarkan diri kerana ingin membawa beberapa perubahan serta pendekatan kepada sayap Wanita kerana saya tidak mahu melihat berlakunya tsunami golongan muda yang menolak Umno pada pilihan raya umum ke-14 nanti.

"Pemilihan kali ini bagi saya merupakan persaingan yang sihat bagi memastikan Umno masih relevan kepada Melayu," katanya kepada pemberita selepas menjadi tetamu rancangan bual bicara Helo Malaysia terbitan BernamaTV di saluran 502 Astro malam Khamis.

Mengulas teguran bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad yang menyifatkan semangat Umno untuk memperjuangkan masa depan rakyat, agama dan negara sudah lama hilang dan sifat setia terhadap parti bertukar kepada kepentingan individu, Azalina berkata ia bertujuan mengingatkan anggota Umno agar tidak leka.

"Teguran itu menunjukkan bahawa kita perlu menremajakan parti. Jangan samakan kita dengan pembangkang yang hanya cakap kosong, kita perlu ada pemimpin baharu untuk bimbing generasi muda supaya bersama-sama Umno," katanya bekas Ketua Puteri Umno itu.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=972045>